

11/11/1997

3 cabaran kritikal hadapi abad ke-21 (HL)

Radzi Wahab

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menekankan tiga cabaran kritikal yang perlu diberikan tumpuan dalam menghadapi abad ke-21.

Perkara itu merangkumi cabaran membina kekayaan bersama global yang lebih aman, memastikan kemakmuran sejagat dan memastikan sikap tolak ansur serta tidak berlakunya pertembungan kebudayaan.

Menurut Perdana Menteri, keamanan di dunia ini adalah lebih daripada sekadar ketiadaan peperangan kerana ia membabitkan semangat setiakawan dan keadilan.

"Malah, kepentingannya bukan sahaja membabitkan demokrasi di antara sempadan sesebuah negara tetapi juga demokrasi dalam bentuk hubungan sesama negara dan masyarakat global," katanya di sini hari ini.

Menyampaikan ucap taja bertajuk 'Asia dan Eropah: Memeterai Kerjasama Bagi Abad ke-21' di Panel Global Kuala Lumpur 1997, beliau berkata, zaman imperialisme sudah lama berakhir tetapi belum berkubur.

Menurutnya, era hegemonisme (pengaruh atau kekuasaan sebuah negara ke atas negara lain) masih wujud tetapi dalam bentuk baru - hegemonisme ekonomi yang tidak banyak berubah dengan menindas dan menghilangkan sifat perikemanusiaan seperti imperialisme lalu.

"Bagi keamanan abad ke-21, tiada sebarang bentuk hegemonisme yang harus diterima. Kita mesti memastikan pemerintahan secara global yang sepenuhnya demokratik," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata, kemakmuran sejagat yang dibina pada abad ke-21 mesti dicapai melalui pengembangan dalam perdagangan dan penggalakan pengaliran pelaburan asing.

Menurutnya, kemakmuran global tidak harus dinikmati oleh sesetengah golongan sahaja dengan tiada sebuah negara pun yang harus dipinggirkan.

Sehubungan itu, beliau menganjurkan abad ke-21 sebagai tempoh untuk menyaksikan berakhirnya kemiskinan sejagat dengan mengajak memerangi kemiskinan itu secara global dengan semua negara harus menerajui usaha murni itu.

Dr Mahathir juga menyentuh mengenai campur tangan golongan tertentu dalam pasaran bebas yang bertujuan untuk memperkayakan golongan kaya dan tamak sehingga menyebabkan masyarakat miskin terus tertekan.

"Kehadiran tangan ghaib di pasaran terbuka sekadar memberikan kekayaan kepada yang sudah kaya dan menekan yang miskin. Jika kuasa pasaran ingin memainkan peranan, mereka harus diselia oleh undang-undang, peraturan dan pengawasan," katanya.

Beliau juga turut menekankan pentingnya masyarakat dunia mengubah minda daripada 'memiskinkan jiran' kepada 'memakmurkan jiran'.

"Kita harus memperuntukkan masa dan usaha yang banyak untuk memakmurkan jiran kita. Kita harus berpegang kepada pendirian yang masa depan dan kemakmuran kita juga bergantung kepada negara lain," katanya.

Mengenai kebudayaan dan ketamadunan, Dr Mahathir berkata, Asia yang mengamalkan nilai-nilai murni sejagat harus memastikan ia disebar ke seluruh dunia.

"Jika Barat tidak berkelakuan seperti masyarakat Asia, kita di Asia tidak perlu mengadakan hubungan perdagangan dengan mereka. Jika boleh, kita harus mengenakan sekatan dan mengamalkan dasar 'kerjasama bersyarat'," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri menggariskan cabaran yang beliau ramal akan timbul, termasuk perbezaan tumpuan mengenai tanggungjawab kerajaan,

negara, pasaran bebas dan individu.

Menurutnya, oleh kerana bidang perniagaan dijangka menjadi penggerak utama dan pembina yang akan memberi kuasa kepada rakyat dan bukannya kerajaan, satu cara harus diambil bagi memastikan perasaan tamak dan salah guna kuasa korporat tidak akan berlaku.

Justeru, beliau mempersoalkan sama ada pasaran bebas boleh diselia melalui sikap bertanggungjawab dan komitmen sedangkan pelabur kerap digerakkan melalui perasaan tamak dan keinginan untuk meraih sebanyak mungkin kekayaan.

(END)